

12/03/2000

Perkataan Islam bukan punca berpecah: Fadzil

KOTA BHARU: Penggunaan perkataan Islam, khususnya oleh Pas tidak harus disalah tafsir sebagai punca berlakunya perpecahan umat Islam di negara ini, kata Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Sebaliknya, beliau mendakwa punca sebenar perpecahan itu ialah kegagalan umat Islam memahami pengertian sebenar Islam.

"Islam adalah soal asas dan perpecahan lebih besar pasti akan berlaku jika niat menggugurkan penggunaan perkataan itu diteruskan.

"Jangan fikir dengan membuang perkataan Islam daripada Pas, orang Islam boleh bersatu menyokong Umno," katanya ketika menyampaikan ceramah di Ketereh, malam kelmarin.

Katanya, Pas juga memberi ingatan jika kerajaan khususnya Umno meneruskan niatnya menggugurkan perkataan Islam, ia adalah sama seperti yang pernah berlaku di Turki ketika pemerintahan Kamal Attaturk.

Beliau berkata, sejarah Turki memberi kesan besar kepada umat Islam di seluruh dunia termasuk negara ini berikutan tindakannya memisahkan agama daripada politik.

Katanya, ahli Pas tetap mempertahankan perkara itu kerana menganggap pengasingan agama dengan politik bererti pemisahan sebahagian daripada Islam.

"Jika perkara ini dilakukan Kerajaan, ia bermakna (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad adalah orang kedua selepas Attaturk di Turki memisahkan agama daripada Islam.

"Ahli Pas sedia bergaul dan merapatkan hubungan dengan semua pihak, termasuk di kalangan ahli Umno dan hubungan ini sangat baik pada masa ini. Kita rasa kemungkinan perpecahan terus berlaku tidak timbul sama sekali.

"Kita tidak boleh terima sama sekali kalau agama dibunuh dan kalau kerajaan cuba nak menggugurkan perkataan Islam daripada Pas, saya tidak jamin ahli Pas boleh memaafkan," katanya.

(END)